


LAPORAN AKTIVITI BULANAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG
BAGI BULAN JANUARI 2022

1. MESYUARAT JAWATANKUASA KELULUSAN JURUAUDIT SYARIKAT BIL.1/2022

Unit Pengurusan Prestasi telah menjadi urus setia bagi Mesyuarat Kelulusan Juruaudit Bil.1/2022 yang diadakan pada 12 Januari 2022 bertempat di Bilik Mesyuarat JANM Pulau Pinang. Calon yang terlibat pada Mesyuarat kali ini adalah dua (2) orang.



Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa

2. EKSPLORASI MINDA – PENGUBATAN ISLAM ‘MENYELAMI DUNIA PENGUBATAN ISLAM, KESEMBUHAN HANYA MILIK ALLAH’

Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP) Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah menganjurkan kursus Eksplorasi Minda – Pengubatan Islam ‘Menyelami Dunia Pengubatan Islam, Kesembuhan Hanya Milik Allah’ Bil 1/2022 secara atas talian pada 27 Januari 2022 dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang. Seramai 37 orang peserta menghadiri kursus dari tempat masing-masing menggunakan pautan aplikasi *Lifesize*.



Poster Hebahan Kursus

3. LAWATAN PEMERIKSAAAN BAGI CADANGAN PENGUBAHSUAIAN DI JANMPP

Jurutera Daerah Timur Laut, Jurutera Unit Bangunan, Jurutera Elektrik dan Mekanikal dan Arkitek dari Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang telah membuat lawatan ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang berikutan Cadangan Untuk Pengubahsuaian Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang.

Lawatan pemeriksaan ini telah diiringi oleh Pengarah, Timbalan Pengarah, Ketua Penolong Pengarah dan Pegerusi Jawatankuasa Keselamatan JANM Pulau Pinang. Lawatan ini telah diadakan pada 25 Januari 2022 dari pukul 9.30 pagi hingga 11.30 pagi.



Lawatan Di Bilik Server JANMPP



Lawatan di Pintu Masuk Pegawai JANMPP



Lawatan dan di Bilik Pengarah JANMPP

4. TAKLIMAT SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG AKAUNTAN W29(KUP)

Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP) dengan kerjasama Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan Taklimat Skim Perkhidmatan Penolong Akauntan W29 (KUP) pada 28 Januari 2022 dari jam 8.30 pagi hingga 12 tengahari di Auditorium A, KOMTAR.

Taklimat ini disampaikan oleh Puan Noorhaslenda binti Abdullah, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP). Seramai 150 orang pegawai perakaunan dari PTJ Pulau Pinang telah menghadiri taklimat ini.



Sesi Pendaftaran



Sebahagian peserta yang terlibat



Puan Noorhaslenda menyampaikan ceramah

5. MAJLIS PERJUMPAAN PENGURUSAN TERTINGGI BERSAMA WARGA PERAKAUNAN PTJ DI PULAU PINANG.

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan Majlis Perjumpaan Pengurusan Tertinggi Bersama Warga Perakaunan PTJ Di Pulau Pinang. Majlis ini berlangsung pada 28 Januari 2022 dari jam 3 petang hingga 5 petang di Auditorium A KOMTAR. Seramai 150 orang pegawai terlibat yang terdiri daripada Akauntan, Penolong Akauntan dan Pembantu Akauntan yang berkhidmat di Negeri Pulau Pinang.



Tentatif Program



Nyanyian lagu Negaraku



Penyampaian amanat dari Datuk Dr Yacob Mustafa Jabatan Akauntan Negara
Malaysia



Sesi Ramah Mesra



Penyampaian Cenderahati